

Newspaper	Berita Harian
Date	8/1/2013

Dr M mahu pengundi muda peka

BH-8/1/2013

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad (**gambar**) meminta generasi muda meneliti dan membuat pertimbangan sebelum memilih calon dan parti pada Pilihan Raya umum Ke-13 (PRU-13).

“Golongan muda perlu melihat Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi dan boleh membuat pilihan tepat tanpa terpengaruh dengan dakwah pembangkang terhadap kerajaan kononnya BN menipu (kiraan) undi pada pilihan raya.



“Saya fikir generasi muda perlu memikirkan secara mendalam dan ikhlas sebelum membuat keputusan kerana sepanjang lebih 55 tahun memerintah BN berjaya memba-

ngunkan negara kita.

“Berdasarkan penilaian dan pengalaman saya menyertai politik tanah air sejak 1945 iaitu selama kira-kira 67 tahun, saya berpendapat parti lawan (pembangkang) hanya akan membawa kerosakan kepada negara,” katanya pada sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Terdahulu, pemimpin yang sudah berusia 88 tahun itu mengadakan dialog dan pertemuan hampir dua jam dengan pemimpin serta wakil Persatuan Veteran Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC).

Dr Mahathir bimbang generasi muda yang kurang pengalaman mengenai perancangan politik pembangkang akan membuat kesilapan ketika memilih calon dan parti pada PRU-13.